

**JAWAPAN:**

Bagi menjawab soalan (a), nisbah anggota polis yang ditetapkan oleh pihak INTERPOL ialah seorang anggota polis kepada 250 orang penduduk (1:250). Walau bagaimanapun, nisbah ini hanya sebagai panduan sahaja dan tidak digunakan oleh PDRM dan agensi berwajib dalam menentukan jumlah anggota polis bagi sesuatu daerah polis. Banyak faktor lain yang diambil kira dalam menentukan jumlah anggota bagi sesuatu daerah seperti contoh jumlah Jenayah Indeks, Laporan Trafik, Laporan Jenayah Narkotik dan juga kategori balai berkenaan sama ada di sempadan antarabangsa, bandar, luar bandar atau di bandaraya.

Bagi Parlimen Kampar yang mempunyai keluasan pentadbiran polis seluas 483.6 KM persegi, jumlah keanggotaan terkini bagi tahun 2015 di Ibu Pejabat Polis Kampar seperti berikut:-

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>JUMLAH</b>
<b>1.</b>	<b>PEGAWAI</b>	<b>6</b>
<b>2.</b>	<b>ANGGOTA</b>	<b>190</b>
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>196</b>

Secara perbandingannya, jumlah anggota bagi tahun 2013 adalah seramai 164 pegawai dan anggota dan telah menunjukkan pertambahan seramai 32 pegawai dan anggota bagi tahun 2015. Pada dasarnya, Kerajaan telah bersetuju untuk meningkatkan bilangan

pegawai dan anggota PDRM iaitu sebanyak 4,000 perjawatan setiap tahun sehingga mencukupi. Tujuan pertambahan jawatan adalah bagi memastikan keselamatan dan keamanan dapat dikekalkan demi kesejahteraan rakyat sama ada di bandar mahupun di luar bandar termasuk di Kampar, Perak. Dari segi pembiayaan, ianya menggunakan peruntukan semasa yang akan diagihkan ke seluruh balai-balai mengikut keutamaan.

Bagi menjawab soalan (b), pihak PDRM sedang membuat kajian menyeluruh di Semenanjung, Sabah dan Sarawak bagi menaiktaraf pangkat dan mengukuhkan perjawatan di balai-balai polis serta di Ibu Pejabat Polis Daerah untuk dikemukakan kepada agensi pusat. Kajian yang dibuat adalah berdasarkan kepada kedudukan serta fungsi dan beban tugas yang dipikul oleh balai berkenaan mengikut kategori berikut:-

- i) Balai Polis Metropolitan
- ii) Balai Polis Bandar
- iii) Balai Polis di Luar Bandar
- iv) Balai Polis di Pulau-pulau
- v) Balai Polis di Sempadan Antarabangsa
- vi) Balai Polis di Lapangan Terbang (Antarabangsa dan Domestik) serta di Pelabuhan-pelabuhan
- vii) Balai Polis di Kawasan Pendalaman, Kawasan Felda, Perkampungan Orang Asli, Kampung-Kampung Baru dan sebagainya.

**Faktor-faktor yang akan diambil kira adalah seperti berikut:-**

- i) Faktor sosial ekonomi, dilihat dari segi pekerjaan, tahap ekonomi penduduk, kawasan industri, kawasan perbankan dan lain-lain lagi.**
  
- ii) Faktor kompleksiti penugasan, dengan mengambil kira perkara-perkara yang perlu ada dalam mewujudkan sebuah balai atau ibu pejabat polis iaitu mesti ada (*Must have*), patut ada (*Should have*) dan elok jika ada (*Nice to have*).**

**Selain daripada kajian pengukuhan perjawatan, kajian tersebut juga mengambil kira bebanan kewangan yang akan ditanggung oleh Kerajaan dari segi emolumen serta keperluan logistik yang lain. Sekiranya cadangan ini diterima pakai oleh agensi pusat, semua daerah termasuk Daerah Kampar akan dinaiktaraf kepada Balai Polis Bandar.**